

## Gas ammonia bocor

**Seramai 26 pekerja kilang dikejarkan ke hospital akibat sesak nafas**

NOR FARHANA YAACOB

JASIN

**S**eramai 26 pekerja termasuk 20 wanita dan enam lelaki berusia 20 hingga 40-an sesak nafas selepas terhidu gas ammonia bocor di sebuah kilang memproses ayam di Merlimau semalam.

Daripada jumlah itu, seramai 16 pekerja termasuk 12 wanita dikejarkan ke Hospital Jasin manakala sepuluh pekerja termasuk lapan wanita yang dirawat Hospital Melaka dilaporkan stabil.

Ketua Polis Daerah Melaka Tengah, Asisten Komisioner Af-

zanizar Ahmad berkata, pihaknya termasuk pasukan bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat Merlimau menerima panggilan kecemasan jam 11.42 pagi.

Menurutnya, siasatan mendapati kebocoran berlaku di salah satu paip yang menyalurkan gas bagi proses penyejukan produk.

Katanya, kejadian yang pertama kali berlaku di kilang terbabit disedari seorang pekerja yang ternampak kepulan asap putih di bahagian pembuatan kilang yang terletak di bahagian belakang.

"Unit Hazmat bomba berada di lokasi kejadian dan melakukan kerja-kerja menyahcemarkan kawasan yang dicemari gas dalam bangunan kilang malah operasi kilang masih digantung bagi membolehkan kerja tersebut berjalan lancar," katanya.

Afzanizar berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui pusat kawalan operasi di pektangan kilang berkenaan.



Sebahagian pekerja yang berkumpul di luar kilang terbabit ketika insiden itu semalam.

Tambah Afzanizar, orang ramai terutama penduduk tidak perlu bimbang kerana tahap kualiti udara mendapati kawasan luar kilang dan persekitaran bebas daripada gas berbahaya itu.

Menurutnya, lokasi yang berdekatan dengan beberapa sekolah dan kampung termasuk Kampung Seri Mawar tidak terjejas dan tiada arahan perpindahan seperti tular di Facebook.

"Saya minta masyarakat luar henti sebar maklumat yang tidak tepat mengenai insiden ini kerana boleh menimbulkan keresahan dalam kalangan penduduk dan mereka boleh melakukan aktiviti harian seperti biasa.

"Dalam masa sama Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja serta bomba masih menjalankan siasatan bagi mengenal pasti punca kejadian," katanya.